DURI
dan
BUNGA TELUKI:
SEBUAH NOVEL BERDASARKAN KISAH BENAR

DURI
dan
BUNGA TELUKI:
SEBUAH NOVEL BERDASARKAN KISAH BENAR

oleh

Yahya Sinwar

Melaka

SRITI Darul Qurro

2024

ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

اَلْـحَمْدُ للهِ الَّذِي بِنِعْمَتِهِ تَتِمُّ الصَّالِـحَاتِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ، وَبَعْدُ:

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah ﷻ, kami tampilkan terjemahan sebuah novel yang berjudul: "*Duri & Bunga Teluki: Sebuah Novel Berdasarkan Kisah Benar*" oleh asy-Syahid Yahya Sinwar.

Siapa sangka, hero dan pemimpin HAMAS yang kesyahidannya mengejutkan dunia baru-baru ini, rupa-rupanya pernah menghasilkan sebuah novel kisah benar perjuangan rakyat Palestin yang ditulis sewaktu hampir 23 tahun dalam penjara Israel.

Yahya al-Sinwar telah syahid, dan kita menyaksikan dengan mata kita sendiri bagaimana beliau menghadapi maut -seperti yang digambarkan oleh *drone* penjajah: beliau duduk dengan memakai topeng di atas sofa seolah-olah menunggu tetamu, belakangnya tegak walaupun terkena tembakan.

Beliau kemudian melemparkan kayu kecil terakhir yang ada padanya ke belakang untuk menjatuhkan *drone*, dan terus menatap ke hadapan. Walaupun senjata terakhir yang tinggal sangat daif, dalam menghadapi senjata paling hebat abad ini: makhluk terbang yang mengambil gambar, merakam video,

dan boleh membunuh, mengganas dan memusnahkan; beliau tidak menyerah dan berjuang hingga hembusan nafas yang terakhir!

Novel ini memberikan pandangan tentang perjuangan rakyat Palestin dari tahun 1967 sehingga Intifada al-Aqsa pada tahun 2000. Secara tidak langsung, semua peristiwa dan perkara yang berlaku di bumi Palestin dalam tempoh tersebut dirakamkan dalam bentuk pengisahan yang sangat menyentuh hati dan perasaan kita.

Ia mengangkat kisah tentang perjuangan melalui pendidikan, serta penyertaan dalam gerakan penentangan seperti Hamas, dan mengungkapkan transformasi yang berlaku dalam isu Palestin dari sudut ideologi, daripada yang sekadar bersifat nasional kepada bersifat agama.

Novel ini turut memperincikan bagaimana perjuangan berubah daripada sekadar perlawanan dengan senjata yang daif kepada senjata yang moden dan canggih. Ia menggambarkan bagaimana rakyat Palestin, walaupun berada dalam keadaan tertekan, tetap bangkit mempertahankan tanah air dan hak mereka.

Novel ini juga tidak mengabaikan aspek kemanusiaan seperti hubungan cinta dan kasih sayang dalam kalangan belia, yang menunjukkan bahawa walaupun terkurung dalam perjuangan yang sukar, mereka tetap manusia biasa dengan perasaan dan harapan.

Novel ini turut memberikan gambaran mendalam tentang kehidupan seharian masyarakat Palestin di bawah penjajahan, daripada kehidupan keluarga, kesedihan para ibu yang anak-anaknya ditangkap, hingga kepada pertempuran-pertempuran besar dan kecil.

Ia membuktikan bahawa walaupun Israel tidak pernah berhenti menyerang dan menindas mereka selama lebih 76 tahun, semangat perlawanan rakyat Palestin tidak pernah pudar.

Yahya Sinwar, semoga Allah merahmatinya, menceritakan kepada kita dalam novelnya "Duri dan Bunga Teluki" ini, bagaimana pahlawan dicipta dan bagaimana mereka berebut-rebut menuju pintu kesyahidan, yang lebih mereka cintai daripada dunia dan segala isinya, atau kemenangan yang hampir daripada Allah.

Duri adalah pagar berduri, lambang kepada penderitaan, rintangan dan cabaran, manakala bunga teluki (*carnation*) yang harum dan indah adalah perlambangan kepada harapan dan impian yang tidak pernah hilang.

Asy-Syahid Yahya Sinwar membuktikan dengan nyawanya sendiri bahawa beliau bukanlah penulis novel yang sekadar mengarang cerita sesedap rasa, malah beliaulah hero dan wataknya di bumi nyata.

Semoga terjemahan ini membekaskan ingatan yang abadi kepada rakyat Malaysia bahawa Palestin dan al-Aqsa sentiasa dekat di hati kita.

Selamat membaca!

-Penerbit

PRAKATA PENULIS

Ini bukanlah kisah peribadi saya, dan bukan pula kisah individu tertentu, meskipun semua peristiwanya adalah benar. Setiap peristiwa atau setiap himpunan peristiwa yang terdapat dalam kisah ini adalah berkaitan dengan seorang rakyat Palestin yang ini atau yang itu. Unsur rekaan dalam karya ini hanya terletak pada penukarannya kepada sebuah novel yang berputar di sekitar watak-watak tertentu supaya karya ini memenuhi bentuk dan syarat sebuah novel. Segala yang lain adalah benar, saya alaminya sendiri dan banyak yang saya dengar daripada mulut orang yang mengalaminya; mereka bersama keluarga dan jiran mereka sepanjang puluhan tahun di bumi Palestin yang tercinta.

Saya dedikasikan karya ini buat mereka yang terpaut hatinya dengan bumi Israk Mikraj, dari lautan ke teluk (*min al-muḥīṭ ilā al-khalīj*) [dari lautan Atlantik hingga ke Teluk Arab], malah dari lautan ke lautan (*min al-muḥīṭ ilā al- muḥīṭ*) [seluruh dunia Islam dari Lautan Atlantik hingga Lautan Hindi].

Yahya Ibrahim al-Sinwar

Penjara Beersheba (Bi’r al-Sab‘/Telaga Tujuh), 2004

BAB SATU

Musim sejuk tahun 1967 amat berat, enggan pergi, dan menghalang musim bunga yang cuba muncul dengan sinaran mataharinya yang cerah dan hangat. Musim sejuk menentangnya dengan awan tebal yang memenuhi langit, dan hujan lebat turun dari langit, membanjiri rumah-rumah sederhana di Kem Shati bagi pelarian di Bandar Gaza. Air mengalir deras di lorong-lorong kem, menyerbu masuk ke rumah-rumah dan mengganggu para penghuninya di bilik-bilik kecil mereka yang lantainya lebih rendah daripada jalan raya berdekatan.

Berkali-kali, air hujan musim sejuk melimpah ke dalam halaman kecil rumah kami, kemudian mengalir masuk ke dalam rumah yang telah kami diami sejak keluarga kami menetap di sini setelah berhijrah dari kampung Faluja di Wilayah yang Dijajah (Occupied Territories) pada tahun 1948. Setiap kali berlaku banjir, kami sekeluarga – saya, tiga orang abang dan seorang kakak – akan ketakutan, sementara ayah dan ibu bergegas mengangkat kami daripada lantai. Ibu akan segera mengangkat tilam sebelum air sempat membasahinya. Saya yang paling kecil akan berpegang erat pada leher ibu, sementara adik perempuan saya yang masih bayi biasanya berada dalam dakapannya pada situasi seperti ini.

Banyak kali saya terjaga di tengah malam apabila ibu mengalihkan saya ke tepi dan meletakkan periuk aluminium atau pinggan tanah liat yang besar di sisi tempat tidur untuk menampung titisan air yang meresap melalui retakan pada bumbung genting bilik kecil itu. Ada periuk di sini, pinggan di sana, dan bekas lain di tempat lain. Saya akan cuba tidur kembali, kadangkala berjaya, tetapi sering terjaga semula mendengar bunyi titisan air yang jatuh ke dalam bekas air dengan irama yang tetap. Apabila bekas itu penuh atau hampir penuh, percikan air akan berhamburan dengan setiap titisan baru. Pada waktu itu, ibu akan menggantikan bekas penuh dengan yang kosong dan menuangkan air keluar dari bilik.

Saya berusia lima tahun pada waktu itu. Pada suatu pagi musim sejuk, matahari musim bunga cuba kembali ke tempat asalnya untuk menghapuskan sisa-sisa serangan malam musim sejuk yang kelam di kem ini. Abang saya, Muhammad yang berusia tujuh tahun, memegang tangan saya, dan kami berjalan di lorong-lorong kem menuju ke pinggirnya, di mana terdapat sebuah kem tentera Mesir.

Para tentera Mesir di kem itu sangat menyukai kami. Salah seorang daripada mereka mengenali kami dan tahu nama kami. Apabila kami muncul, dia akan memanggil, "Muhammad, Ahmad, mari ke sini."

Kami akan mendekatinya dan berdiri di sebelahnya, menundukkan kepala dengan penuh harapan, menunggu seperti biasa. Dia akan menyeluk poket seluar tenteranya dan mengeluarkan sebiji gula-gula kacang untuk setiap seorang daripada kami. Kami akan menggigitnya dengan lahap. Tentera itu akan menepuk bahu kami, mengusap kepala kami, dan menyuruh kami pulang ke rumah. Kami akan melangkah pulang dengan perlahan melalui lorong-lorong kem.

Musim sejuk akhirnya berlalu setelah bertahan lama dan cuaca mulai hangat dan indah. Hujan tidak lagi mengganggu kami dengan ancaman banjirnya. Saya menyangka musim

sejuk tidak akan kembali dalam masa terdekat, tetapi saya mula melihat kegelisahan dan kebingungan di sekeliling saya. Orang dewasa kelihatan dalam keadaan lebih buruk daripada malam-malam musim sejuk yang paling teruk sekalipun. Saya tidak dapat memahami apa yang sedang berlaku, tetapi situasinya jelas tidak normal. Ibu saya mengisi semua bekas yang ada dengan air dan meletakkannya di halaman rumah. Ayah meminjam cangkul daripada jiran dan mula menggali lubang besar dan panjang di halaman depan rumah, dibantu sedikit oleh abang saya, Mahmoud, yang berusia dua belas tahun ketika itu.

Selepas mereka menyiapkan lubang itu, ayah meletakkan beberapa kepingan kayu di atasnya, kemudian menutupnya dengan kepingan zink yang sebelum ini digunakan sebagai teduhan di halaman. Saya sedar bahawa ayah dalam keadaan terdesak kerana dia kelihatan mencari sesuatu. Kemudian saya melihatnya membuka pintu dapur dan menutup lubang itu dengannya. Saya melihat ibu dan abang saya, Mahmoud, turun ke dalam lubang melalui satu bahagian yang masih terbuka. Saya memberanikan diri untuk menghampiri lubang itu dan melihat ke dalamnya. Saya dapati ia kelihatan seperti bilik bawah tanah yang gelap. Saya tidak faham apa-apa, tetapi jelas bahawa kami sedang bersiap sedia menghadapi sesuatu yang sukar dan luar biasa, mungkin lebih teruk daripada malam-malam ribut hujan yang pernah kami lalui.

Tiada sesiapa lagi yang membawa saya ke kem tentera Mesir untuk mendapatkan gula-gula. Abang saya, Muhammad, berulang kali menolak permintaan saya. Itu adalah perubahan besar bagi saya dan Muhammad. Saya tidak dapat memahaminya; begitu juga dengan sepupu saya, Hassan, yang tidak tahu rahsia kami ini. Mungkin dia tahu, tetapi dia bukan sebahagian daripadanya. Saya tidak tahu mengapa dia tidak bersama kami sebelum ini. Namun, sepupu saya, Ibrahim, yang sebaya dengan saya dan tinggal di rumah sebelah, tahu mengenai perkara tersebut.

Apabila Muhammad enggan pergi, saya ke rumah pak cik sebelah bapa saya ini untuk bersama Ibrahim. Saya menolak pintu dan masuk ke dalam bilik, melihat pak cik saya yang wajahnya tidak pernah saya ingat dengan jelas. Dia sedang membaiki senapang di tangannya, dan saya terfikir untuk melakukan sesuatu yang serupa dengannya. Senapang itu menarik perhatian saya, dan saya terus menumpukan pandangan ke arahnya.

Pak cik saya memanggil saya, meminta saya duduk di sebelahnya, dan meletakkan senapang itu di tangan saya sambil berbicara tentangnya dengan saya, tetapi saya tidak memahaminya. Kemudian, dia mengusap kepala saya dan membawa saya keluar dari bilik. Saya dan Ibrahim pergi ke pinggir kem, menuju ke kem tentera Mesir yang berdekatan.

Ketika kami sampai, keadaan sudah berubah sama sekali. Tentera yang biasanya menunggu kami tidak kelihatan, dan tiada siapa yang menyambut kami. Situasinya tidak seperti biasa, para tentera Mesir yang sebelum ini mesra dan menyambut kami dengan gembira kini berteriak menyuruh kami menjauh dan kembali kepada ibu kami. Kami pulang dengan perasaan kecewa kerana tidak mendapat gula-gula kegemaran kami. Saya tidak dapat memahami perubahan yang berlaku.

Pada keesokan harinya, ibu saya mengambil beberapa buah tilam dari rumah dan meletakkannya di dalam lubang itu. Dia juga membawa dua atau tiga kendi air, sedikit makanan, dan membawa kami semua ke dalam lubang tersebut, lalu duduk bersama kami. Kemudian, isteri pak cik saya dan anak-anaknya, Hassan dan Ibrahim, turut bergabung dengan kami. Saya berasa tidak selesa dengan tempat yang sempit ini, di mana kami terkurung tanpa sebab yang saya fahami. Kami telah meninggalkan rumah dan bilik, halaman, serta jalan-jalan atau lorong-lorong di kawasan kejiranan kami, lalu ditempatkan di sini secara paksa. Setiap kali saya cuba keluar

atau berlari ke arah pintu keluar, ibu menarik saya kembali dan menyuruh saya duduk di dalam. Dari semasa ke semasa, dia memberi saya sekeping roti dan beberapa biji zaitun.

Matahari mula terbenam, dan cahaya siang semakin pudar. Kegelapan bertambah di dalam lubang tempat kami berlindung, dan ketakutan mula menyusup ke dalam hati kami, kanak-kanak kecil ini. Kami mula berteriak dan saling menolak untuk keluar, tetapi ibu saya dan isteri pak cik saya menghalang kami.

Apabila kami terus berusaha untuk keluar, mereka menjerit, "Wahai anak-anak, dunia sedang perang, tidakkah kamu tahu apa itu perang?" Ketika itu, saya tidak tahu apa maksud perang, tetapi saya tahu ia adalah sesuatu yang menakutkan, luar biasa, gelap, dan menyesakkan.

Kami terus cuba keluar, dan mereka terus menghalang kami, menyebabkan tangisan kami semakin kuat. Mereka cuba menenangkan kami tetapi tidak berjaya. Pada waktu itu, Mahmoud berkata, "Bolehkah saya ambil pelita, ibu, supaya kita boleh menyalakannya?"

Ibu menjawab, "Ya, Mahmoud."

Mahmoud segera berlari keluar dari lubang itu, tetapi ibu saya segera menangkapnya dan menghalangnya daripada keluar sambil berkata, "Jangan keluar, Mahmoud. Jangan keluar, nak."

Ibu mendudukkan dia semula, lalu ibu sendiri keluar, dan kembali dengan membawa pelita minyak tanah. Dia menyalakan pelita itu dan menerangi ruang bawah tanah, membawa sedikit ketenangan. Akhirnya, saya, adik beradik saya serta sepupu saya tertidur. Ibu saya dan isteri pak cik pula berjuang melawan rasa mengantuk, tetapi akhirnya tewas. Keesokan harinya, tidak ada apa-apa yang istimewa berlaku. Kami menghabiskan hampir sepanjang hari dalam lubang perlindungan bawah tanah itu.

Jiran kami, Cikgu Aisyah, tidak pernah melepaskan radionya dan sentiasa berada berhampiran dengan pintu perlindungan untuk memastikan radionya dapat menerima isyarat dan mendengar berita terkini. Setiap kali mendengar berita, dia memberitahu ibu saya dan isteri pak cik. Hal ini membuat suasana menjadi lebih suram dan murung, tercermin ke atas kesediaan ibu saya dan isteri pak cik untuk mendengar dan memenuhi permintaan kami. Mereka berulang kali meminta kami supaya diam. Kenyataan berapi-api yang dilontarkan oleh Ahmad Said, seorang penyampai dari Suara Arab di Kaherah, tentang mengusir Yahudi ke laut serta ancaman-ancaman terhadap negara penjajah semakin melemah dan hilang. Pada masa yang sama, impian kami untuk kembali ke tanah air yang kami tinggalkan mula runtuh seperti istana pasir yang sering kami bina semasa bermain di halaman.

Harapan terbesar ialah untuk kembali ke tempat asal kami, agar pak cik yang bertugas dalam Tentera Pembebasan Palestin dapat kembali dengan selamat kepada keluarganya, dan agar ayah yang menyertai perlawanan rakyat dapat pulang dengan selamat. Dengan setiap berita baru yang didengari oleh Cikgu Aisyah, suasana muram dan ketegangan semakin meningkat. Mereka semua berdoa dan mengangkat tangan ke langit memohon keselamatan serta kepulangan pak cik dan ayah, sementara bunyi letupan semakin kuat dan mendekat. Ibu sering keluar dari perlindungan bawah tanah sebentar untuk ke dalam rumah, kemudian kembali membawa sesuatu untuk kami makan atau untuk menutup tubuh kami, atau kadangkala untuk menenangkan isteri pak cik yang bimbang akan nasib datuk yang enggan menyertai kami di dalam perlindungan.

Pada mulanya, datuk masih berharap dapat kembali ke kampung halaman di Falūjah dan yakin bahawa tiada bahaya yang mengancam. Dia percaya bahawa bahaya itu akan menimpa Yahudi yang bakal dihapuskan oleh tentera Arab.

Namun, apabila dia menyedari bahawa keadaan pertempuran tidak berpihak kepada kita sebagai orang Arab, dia enggan berlindung kerana baginya tiada lagi makna untuk hidup. Dia berkata, "Sampai bila kita akan bersembunyi dan melarikan diri daripada takdir?" Kematian dan kehidupan sudah tidak ada beza lagi baginya.

Malam pun tiba dan kami sekali lagi terlelap, hanya untuk dibangunkan beberapa kali oleh letupan-letupan yang semakin dahsyat. Pada keesokan paginya, letupan semakin kuat dan kerap, menghampiri kawasan perumahan kami. Pada hari itu, tiada kejadian penting kecuali satu peristiwa di mana sekumpulan orang mengejar seseorang sambil berteriak "Pengintip! Pengintip!" Mereka mengejar lelaki yang didakwa sebagai pengintip itu, yang membawa sesuatu seperti kenderaan kecil. Saya mendengar perbualan ibu, isteri pak cik, dan Cikgu Aisyah yang mengatakan bahawa pengintip itu mempunyai kaitan dengan Yahudi.

Letupan semakin mendekati dan kerosakan mula berlaku di kawasan barat kampung. Setiap letupan membuatkan kami lebih cemas dan ketakutan, meskipun usaha untuk menenangkan kami dilakukan. Sesekali, Cikgu Aisyah keluar ke pintu perlindungan untuk mendengar berita dan memberitahu ibu saya serta isteri pak cik tentang perkembangan terkini. Selepas beberapa hari dalam keadaan tegang ini, ibu saya tidak lagi dapat keluar ke rumah untuk melakukan apa yang dia lakukan pada hari-hari awal.

Cikgu Aisyah mendengar berita melalui radio dan tiba-tiba menangis, kemudian jatuh berlutut sambil berkata dengan sedih, "Yahudi telah menawan negara." Keadaan sunyi buat seketika sebelum suara adik perempuan saya, Maryam, memecah kesunyian dengan tangisan ketakutan, menangis mengikuti tangisan ibu-ibu kami.

Bunyi letupan dan tembakan berhenti, dan tidak ada apa-apa lagi yang kedengaran selain bunyi peluru yang

sesekali meletus. Menjelang senja, keadaan menjadi sunyi sepenuhnya. Pada waktu malam, suara jiran mula kedengaran kerana mereka mula keluar dari tempat perlindungan atau rumah masing-masing yang mereka duduki selama beberapa hari. Cikgu Aisyah keluar untuk memeriksa keadaan dan kembali sebentar kemudian, mengumumkan, "Perang sudah tamat, keluarlah." Ibu saya dan isteri pak cik keluar terlebih dahulu, kemudian mereka memanggil kami untuk keluar.

Untuk kali pertama dalam tempoh beberapa hari, kami dapat menghirup udara segar, tetapi ia adalah udara yang tercemar dengan bau serbuk letupan dan habuk dari rumah-rumah yang runtuh di sekeliling kami. Sebelum ibu menarik saya kembali ke dalam rumah, saya dapat melihat kerosakan di mana-mana. Banyak rumah jiran terkena tembakan. Namun, rumah kami terselamat tanpa mengalami sebarang kerosakan. Ketika kami masuk ke dalam rumah, datuk memeluk kami seorang demi seorang sambil mengucapkan syukur kerana keselamatan kami, lalu dia mendoakan keselamatan ayah dan pak cik serta mendoakan kepulangan mereka dalam masa yang terdekat.

Malam itu, isteri pak cik saya dan dua anaknya tinggal bersama kami. Ayah dan pak cik tidak pulang, nampaknya akan mengambil masa yang lama sebelum mereka kembali. Apabila pagi menjelang, pergerakan mula kelihatan di lorong-lorong kem pelarian. Setiap orang keluar untuk mencari anak-anak, saudara-mara, dan rakan-rakan mereka bagi memastikan keadaan mereka selamat dan bersyukur kepada Tuhan atas keselamatan mereka. Mereka juga keluar untuk mengetahui nasib rumah-rumah yang terkena tembakan peluru atau telah musnah sebahagiannya.

Terdapat beberapa kematian di kawasan tersebut, tetapi kebanyakan penduduknya telah melarikan diri ke pantai, kebun-kebun, dan kawasan lapang berdekatan, atau berlindung di dalam parit yang telah digali sebelum ini.

Tentera penjajah telah menghadapi tentangan sengit di salah satu kawasan lalu berundur. Tidak lama kemudian, sekumpulan kereta kebal dan jip tentera muncul, membawa bendera Mesir yang berkibar. Para pejuang menyambut berita baik itu dengan harapan bahawa bantuan dan sokongan telah tiba. Mereka keluar dari tempat persembunyian dan parit-parit, melepaskan tembakan ke udara sebagai tanda kegembiraan, berkumpul untuk menyambut. Namun, apabila konvoi itu mendekati, ia mula melepaskan tembakan deras ke arah para pejuang sehingga menyebabkan mereka terbunuh, lalu bendera Mesir diganti dengan bendera Israel pada kereta kebal dan kenderaan tersebut.

Orang ramai berpusu-pusu menuju ke sekolah-sekolah yang telah menjadi kem tentera Mesir sebelum perang, di mana masing-masing mengambil apa sahaja yang masih ada. Ada yang membawa kerusi, yang lain membawa meja, dan ada yang membawa guni berisi bijirin atau peralatan dapur. Mereka menganggap diri mereka lebih layak untuk mewarisi barangan tersebut berbanding tentera Mesir yang telah lenyap dari tempat itu. Sebahagian daripada mereka turut terikut-ikut dengan keadaan yang tegang dengan memecah masuk beberapa kedai berdekatan untuk mengambil barangan dan bahan yang ada. Ada juga yang berminat dengan senjata dan peluru yang ditinggalkan di kem-kem tersebut. Keadaan kacau bilau ini berlangsung selama beberapa hari, setiap orang sibuk dengan urusan masing-masing.

Menjelang tengah hari suatu hari, dari jauh kedengaran suara melalui pembesar suara dalam bahasa Arab yang pelat, mengumumkan perintah berkurung dan meminta semua orang kekal di dalam rumah. Mereka yang keluar dari rumah akan menghadapi risiko ditembak mati. Orang ramai mula mematuhi arahan itu, dan jip tentera yang dilengkapi pembesar suara berkeliling mengumumkannya. Kemudian, jip tersebut beredar meminta semua lelaki berusia 18 tahun ke atas keluar dan berkumpul di sekolah berhampiran, dengan

amaran bahawa sesiapa yang enggan keluar akan menghadapi risiko mati.

Ayah dan pak cik saya tidak kembali, dan Mahmoud, abang saya yang tertua di antara kami, lebih muda daripada had umur tersebut. Datuk saya, apabila dia keluar menuju ke sekolah, seorang askar menjerit kepadanya, menyuruh dia pulang ke rumah apabila melihat umurnya yang sudah lanjut dan keadaannya yang uzur. Datuk pun kembali ke rumah dengan hati yang gusar. Tidak lama kemudian, sejumlah besar tentera penjajah bergerak dalam kumpulan, dengan senjata mereka diacukan, memeriksa setiap rumah satu per satu untuk mencari lelaki yang tidak pergi ke sekolah. Apabila mereka menemui beberapa orang, mereka menembaknya tanpa ragu-ragu.

Lelaki-lelaki di kawasan itu berkumpul di sekolah berhampiran di mana para tentera mengarahkan mereka duduk di atas tanah di halaman sekolah dalam barisan yang padat, dikelilingi oleh tentera dari semua arah dengan senapang diacukan ke arah para lelaki tersebut.

Selepas semua lelaki dikumpulkan, sebuah jip tentera yang bertutup tiba di sekolah. Keluar dari kenderaan itu seorang lelaki berpakaian awam, tetapi jelas dia dari pasukan penjajah kerana semua tentera mematuhinya dengan ketara apabila dia memberi arahan, dan mereka bergerak mengikut arahannya. Tentera-tentera itu mula menyuruh para lelaki tersebut berdiri seorang demi seorang, berjalan melintasi hadapan jip tentera yang baru tiba.

Seorang demi seorang lelaki mula bangun dan berjalan, dan setiap kali seorang lelaki melintas, ada ketika bunyi hon jip berbunyi, menandakan seseorang yang dikenal pasti. Ketika itu, para tentera akan segera menangkap lelaki tersebut dengan kekerasan dan menghumbannya dengan kasar ke salah satu kawasan di belakang yang lebih ketat kawalannya berbanding di halaman utama sekolah.

Jelas sudah bahawa siapa yang hon dibunyikan ketika dia melintas, dia telah dikenal pasti sebagai orang yang berbahaya. Proses ini berlanjutan sehingga lelaki terakhir melalui pemeriksaan, dan dari semasa ke semasa hon akan berbunyi, dan para tentera akan menangkap orang yang melintasi kenderaan itu. Bagi mereka yang tidak dibunyikan hon, mereka diarahkan untuk duduk di sudut lain halaman itu.

Setelah semua lelaki selesai diperiksa, pegawai berpakaian awam itu berdiri dan mula bercakap kepada mereka yang duduk di situ dalam bahasa Arab yang agak kurang lancar tetapi masih dapat difahami. Dia memperkenalkan dirinya sebagai Abu al-Dib, seorang pegawai perisikan Israel yang bertanggungjawab ke atas kawasan itu. Dia memberikan ucapan panjang lebar tentang realiti baharu selepas kekalahan orang Arab, dengan menegaskan bahawa dia mahukan ketenangan dan disiplin serta tidak mahukan sebarang masalah di kawasan tersebut. Dia memberi amaran bahawa sesiapa yang cuba menggugat keselamatan akan menghadapi hukuman mati atau penjara, dan pejabatnya terbuka untuk sesiapa yang memerlukan sebarang perkhidmatan daripada pejabat keselamatan tentera Israel. Setelah selesai, dia meminta semua lelaki bersurai dengan tenang, seorang demi seorang, dan kembali ke rumah masing-masing. Setiap lelaki yang meninggalkan sekolah itu merasakan dirinya terselamat daripada maut yang hampir pasti. Mereka telah mengasingkan kira-kira seratus orang lelaki dari kawasan itu.

Pegawai itu kemudian menaiki jip yang membawanya ke kawasan di mana kumpulan lelaki yang dipilih itu dikumpulkan. Dia meminta mereka berdiri seorang demi seorang dan berjalan sekali lagi di hadapan jip. Setiap kali hon berbunyi, lelaki yang berjalan itu akan ditangkap semula dan disuruh berdiri di tepi dinding berdekatan, menghadap dinding. Bagi yang lain, mereka diarahkan untuk duduk di sudut halaman.

Sebanyak lima belas orang lelaki telah dipilih dari kumpulan itu dan diarahkan berdiri di tepi dinding. Pegawai tersebut memberi arahan kepada beberapa tentera yang berdiri di hadapan mereka, yang mengangkat senapang dan berlutut, lalu mengacukan senjata ke arah mereka sebelum melepaskan tembakan, menyebabkan mereka terjatuh dan mati. Bagi yang lain, yang berpeluh ketakutan, tangan mereka telah diikat di belakang dan mata mereka ditutup. Mereka dinaikkan ke dalam sebuah bas yang membawa mereka ke sempadan Mesir. Tentera yang mengiringi mereka memberi arahan untuk menyeberangi sempadan ke Mesir, dengan amaran bahawa sesiapa yang tidak bergerak ke hadapan atau cuba menoleh akan ditembak mati.

BAB DUA

Hari demi hari berlalu, namun ayah serta pak cik saya belum pulang, dan tiada sebarang berita mengenai mereka. Datuk, ibu, dan isteri pak cik saya tidak meninggalkan seorang pun yang boleh mereka tanya melainkan mereka akan cuba untuk mendapatkan maklumat, namun usaha mereka sia-sia sahaja. Kegelisahan kami sama dengan kegelisahan jiran-jiran lain kerana ramai yang hilang, sama ada anggota Tentera Pembebasan Palestin atau pejuang penentangan rakyat. Kawasan kejiranan, seperti semua kawasan di Tebing Barat dan Gaza, berada dalam keadaan putus asa dan kacau-bilau. Orang ramai tidak tahu apa yang bakal berlaku.

Setiap pagi, datuk saya keluar membawa tongkat, mencari anak-anaknya dan bertanya kepada sesiapa sahaja yang mungkin mengetahui tentang mereka sehingga dia keletihan. Ibu dan isteri pak cik saya yang tidak meninggalkan rumah sejak tamat perang, duduk di tepi pintu menunggu kepulangan datuk membawa berita baru. Mereka dibelenggu ketakutan mengenai nasib suami masing-masing. Abang-abang dan kakak-kakak saya faham apa yang sedang berlaku, tetapi saya terlalu muda untuk menyedari sepenuhnya apa yang sedang terjadi. Ibu dan isteri pak cik yang diselubungi kegelisahan membuatkan kakak sulung saya, Fatimah, terpaksa mengambil alih tanggungjawab menyediakan makanan untuk kami dari semasa ke semasa dan menguruskan kebersihan yang diperlukan.

Pada suatu petang, ketika matahari mula terbenam dan sewaktu datuk kembali dari pencariannya, ibu membuka pintu menunggu kepulangannya di hujung jalan. Selepas beberapa ketika, datuk muncul, berpaut pada tongkat dan hampir tidak mampu berdiri, menunjukkan bahawa berita yang dibawanya adalah sangat berat untuk ditanggung. Ibu segera menjerit meminta abang saya, Mahmoud, untuk berlari menyambut dan membantunya. Mahmoud berlari dan melihat wajah datuk yang penuh dengan air mata. Walaupun dia cuba mendapatkan sebarang maklumat daripada datuk, namun tidak berhasil sehingga mereka sampai ke pintu rumah. Datuk bersandar pada dinding dan kakinya tidak mampu lagi menahan tubuhnya, lalu dia hampir jatuh. Ibu dan isteri pak cik bergegas membantunya, mereka bertanya dengan cemas, "Apa yang telah terjadi? Apa yang kamu dapat tahu?" Mereka berdua menggigil ketakutan dan panik terhadap berita yang bakal didengari. Datuk tidak mampu berkata apa-apa, malah untuk bergerak pun sukar. Semua orang yang ada di rumah membantu membawa datuk masuk ke dalam bilik dan mendudukkannya di atas katil. Kesemua ahli keluarga berkumpul di sekelilingnya, menunggu setiap patah perkataan yang keluar dari bibirnya.

Ibu menghulurkan kendi tembikar kepada datuk, dan dia memegangnya tetapi tidak berdaya mengangkatnya. Lalu ibu membantu mengangkatkannya agar dia dapat meneguk beberapa titis air. Pandangan datuk lebih tertumpu kepada isteri pak cik, yang memberi petunjuk bahawa berita yang dibawanya lebih berkaitan dengan pak cik berbanding ayah. Hal ini membuatkan isteri pak cik semakin gelisah, lalu dia bertanya dengan nada merayu, "Apa yang terjadi, wahai Abu Ibrahim? Apa beritanya? Semoga baik-baik sahaja, insya-Allah."

Namun, air mata datuk mulai mengalir setelah berusaha keras menahan diri dan mengawal perasaan. Isteri pak cik pun terus menangis kerana memahami perkara yang

tidak mampu dilafazkan oleh datuk. Dia menjerit, “Adakah Mahmud telah meninggal dunia?” Datuk menganggukkan kepala sebagai pengesahan. Teriakannya pun semakin kuat, dan dia mula merentap rambutnya. Ibu juga mula menangis, namun tetap lebih tenang, cuba menenangkan isteri pakcik yang terus mengulang-ulang, “Mahmud sudah mati, Mahmud sudah mati!”

“Dia tidak mati, wahai Ummu Hassan, tetapi dia syahid.” Sepupu-sepupu saya menangis, begitu juga dengan abang-abang dan kakak-kakak saya, semua menangis, sementara saya hanya kaku di tempat saya, tidak tahu apa yang berlaku. Kedengaran ketukan di pintu. Abang saya, Mahmoud, keluar untuk melihat siapa di sana. Ternyata sekumpulan jiran wanita yang terdengar tangisan dan jeritan telah datang untuk mendengar berita dan berkongsi kesedihan. Bilik itu penuh dengan orang yang berdiri. Saya kebingungan di antara kaki-kaki dan kesesakan, manakala tangisan semakin kuat kedengaran.

Beberapa hari berlalu tanpa sebarang berita tentang nasib ayah saya. Mereka yang kali terakhir melihatnya mengesahkan bahawa dia masih hidup ketika kota itu ditawan oleh Yahudi. Dia bersama sekumpulan lelaki pejuang rakyat dan mereka telah berundur ke arah selatan. Itulah semua yang kami tahu, tiada apa-apa yang baharu. Selepas tamat tempoh berkabung untuk arwah pak cik, datuk mula meneruskan pencariannya untuk mendapatkan berita tentang nasib ayah, namun itu sahaja yang diperolehinya. Lama-kelamaan, datuk menerima bahawa dia hanya dapat menunggu. Dia sudah hilang harapan untuk mendapatkan sebarang berita baharu dan membuat keputusan untuk hanya menanti. Berita mungkin datang dengan sendirinya kerana ayah tahu di mana kami berada, tetapi kami tidak tahu di mana dia berada. Seiring berjalannya masa, kehidupan terpaksa kembali seperti sediakala, dan semua orang perlu menyesuaikan diri dengan realiti baharu ini.

Sekolah-sekolah mula dibuka semula. Abang-abang dan kakak-kakak saya serta sepupu saya yang sulung mula bersekolah. Pada waktu pagi, ibu dan isteri pak cik bangun untuk menyiapkan mereka ke sekolah, lalu mereka keluar bersama-sama. Tinggallah saya bersama adik perempuan saya yang masih bayi dan sepupu saya, Ibrahim. Apabila siang semakin cerah, datuk keluar dari rumah dan kadangkala pulang dengan sedikit sayur-sayuran; mungkin beberapa biji tomato, atau seikat bayam, atau sedikit kentang, atau terung untuk dimasak oleh ibu atau isteri pak cik dan disiapkan sebagai hidangan ketika anak-anak pulang dari sekolah.

Setiap pagi, ibu atau isteri pak cik akan membawa kendi air daripada tanah liat dan pemanas air besi lalu keluar untuk meletakkannya dalam barisan peralatan seperti itu di hadapan pili air yang diletakkan oleh Agensi Bantuan di halaman kawasan kejiranan. Air hanya datang selama dua atau tiga jam sehari, dan sesiapa yang mendapat giliran akan mengisi bekasnya, manakala yang tidak mendapat giliran terpaksa menunggu hari berikutnya dan meminjam air daripada jiran. Selalunya, ada sahaja orang yang terlepas untuk bangun awal bagi meletakkan bekasnya di awal barisan akan cuba memotong giliran orang lain dengan meletakkan bekasnya sebelum bekas mereka. Apabila tindakan itu terbongkar, ia akan menyebabkan pertengkaran yang bermula dengan kata-kata seperti “Giliran saya” atau “Giliran awak,” dan akan berkembang menjadi tolak-menolak dengan tangan, tarik menarik rambut, serta kata-kata kesat, dan kadang-kadang membawa kepada pecahnya kendi tanah liat.

Di kawasan pili air, tanah ditutupi dengan lapisan serpihan tanah liat. Apabila abang-abang saya dan anak-anak jiran pulang dari sekolah, setelah menikmati makan tengah hari, mereka akan keluar untuk bermain permainan “tujuh kepingan”. Mereka akan mengambil serpihan tanah liat dari kawasan pili air, lalu menyusun tujuh keping berbentuk bulat, setiap satu lebih besar daripada yang sebelumnya, disusun

satu di atas yang lain dengan yang terbesar di bawah dan yang paling kecil di atas. Kemudian, mereka akan mengambil bola kain yang dibuat daripada salah satu stokin lama yang kami perolehi daripada agihan pakaian bantuan yang diadakan dua kali setahun. Stokin itu diisi dengan kain, diikat dan dijahit menjadi bola yang sesuai untuk digenggam tangan. Mereka akan membahagikan diri kepada dua kumpulan; seorang pemain daripada satu kumpulan akan berdiri beberapa meter dari susunan kepingan tanah liat dan membaling bola ke arah susunan itu dengan tujuan menjatuhkannya. Jika gagal, giliran akan beralih kepada pemain daripada kumpulan lain, dan jika berjaya, dia dan anggota kumpulannya akan melarikan diri daripada anggota kumpulan lawan yang bertugas untuk memulihkan susunan kepingan tanah liat. Pemain yang berada di kawasan kepingan itu akan cuba melempar bola kepada anggota kumpulan lawan untuk mengenainya. Jika terkena, kumpulannya akan mengambil alih giliran untuk bermain. Jika tidak, dia akan menunggu sehingga anggota kumpulannya mengembalikan bola kepadanya. Dalam keadaan ini, kumpulan lawan akan cuba menyusun kembali kepingan tanah liat. Jika berjaya, permainan akan disambung semula, dan jika gagal, mereka akan cuba melarikan diri sebelum bola kembali ke kawasan permainan untuk mengelakkan terkena balingan.

Manakala kanak-kanak perempuan akan bermain permainan “teng-teng”, di mana mereka akan membawa sekeping jubin atau batu yang mempunyai permukaan licin di satu sisi dan melukis tiga kotak bersebelahan di atas tanah, setiap satu lebih kurang satu meter panjang dan satu meter lebar, serta melukis bulatan di atas kotak ketiga. Pemain akan membaling batu ke dalam kotak pertama dan melompat ke dalamnya sambil berdiri dengan sebelah kaki sahaja. Kemudian, dia akan menendang batu ke kotak kedua dan melompat ke dalamnya masih dengan sebelah kaki sahaja, sebelum menendang batu itu ke kotak ketiga dan melompat

ke dalamnya. Setelah itu, dia akan menendang batu ke bulatan dan melompat ke dalamnya, di mana dia boleh berdiri dengan kedua-dua belah kaki. Dia kemudiannya akan menendang batu kembali ke kotak ketiga dan melompat ke dalamnya dengan sebelah kaki sahaja. Begitulah seterusnya, dan jika dia jatuh atau kakinya terkena garis lukisan, dia akan kehilangan giliran dan rakannya pula akan bermain. Kadang-kadang, kanak-kanak perempuan juga bermain lompat tali.

Kanak-kanak lelaki pula kadang-kadang akan bermain permainan "Arab dan Yahudi", di mana mereka dibahagikan kepada dua kumpulan: satu kumpulan Arab dan satu kumpulan Yahudi. Setiap kumpulan akan membawa kayu atau ranting yang berbentuk seperti senapang dan mereka akan menembak sesama mereka sambil menjerit, "Bang, saya tembak awak," dan pihak lawan akan membalas, "Tidak, saya tembak awak dulu." Pertengkaran kadangkala akan berlaku kerana tidak dapat menentukan siapa yang menembak terlebih dahulu, tetapi kebiasaannya kumpulan Arab akan menang kerana kanak-kanak yang lebih besar atau lebih kuat akan menentukan ahli setiap kumpulan dan akan berada dalam kumpulan Arab.

Datuk saya akan keluar sekali sebulan ke pusat agihan bantuan, membawa bersama kad pengenalan bantuan untuk keluarga kami dan keluarga pak cik saya. Dia akan keluar sehingga lewat petang, dan apabila pulang, dia akan bersama lelaki dan wanita lain dari kejiranan membawa kereta kuda yang ditarik oleh seekor keldai, yang sarat dengan guni tepung dan beberapa botol minyak atau lemak masak, serta beberapa bakul yang mengandungi bungkusan kecil berisi kekacang seperti kacang kuda dan kacang dal. Apabila sampai di hadapan rumah, kereta kuda itu akan berhenti dan kanak-kanak akan bergegas untuk cuba menaikinya, tetapi pengendali kereta kuda akan menghalau mereka sambil mengayun-ayunkan tongkat. Barang-barang itu akan diturunkan ke dalam rumah setelah datuk saya menunjukkannya.

Datuk akan memberikan beberapa sen kepada pengendali kereta kuda daripada beg kain yang diambil dari poketnya. Pengendali itu akan menerimanya dan meletakkannya dalam beg sambil berkata, "Semoga Allah memberkati kamu," lalu menarik keldai dan pergi. Kanak-kanak akan berlari mengejar kereta kuda sementara orang dewasa akan cuba menegah dan mengusir mereka.

Dalam pada itu, ibu akan membawa adik perempuan saya yang masih bayi, Maryam, dari semasa ke semasa ke klinik kesihatan Agensi Bantuan yang dikenali sebagai Klinik Kesihatan Sweden di hujung kem. Di sana, Maryam akan diperiksa dan ditimbang di bahagian penjagaan kanak-kanak dan ibu di klinik tersebut. Ramai wanita berkumpul di sana bersama anak-anak mereka untuk mendapatkan pemeriksaan. Mereka akan duduk di ruang menunggu di atas bangku panjang kayu yang dicat putih, dan ada juga yang duduk di lantai sambil berbual-bual.

Setiap wanita akan bercerita dan mengadu kepada yang lain tentang masalah dan kesusahannya, maka setiap yang lain akan cuba untuk menenangkan. Mereka akan mendapati bahawa kesusahan orang lain tidak kurang daripada yang mereka alami. Ibu sering membawa saya bersamanya ke klinik Kesihatan Sweden tersebut. Di pintu klinik, terdapat beberapa penjual yang menjual pelbagai jenis manisan buatan sendiri untuk menyara kehidupan anak-anak mereka. Saya akan mula menarik baju ibu, meminta beliau untuk membeli sekeping kuih *namūrah* untuk saya. Disebabkan oleh desakan saya, ibu terpaksa membelikan saya apa yang saya mahu, walaupun ayah sudah lama tidak pulang dan datuk tidak lagi mampu bekerja untuk mencari rezeki kerana kekurangan peluang pekerjaan pada waktu itu, meskipun bagi yang muda dan kuat. Namun, keadaan kewangan kami tidaklah terlalu teruk jika dibandingkan dengan jiran-jiran lain. Saya sering melihat datuk atau ibu memiliki wang, meskipun saya tidak tahu daripada mana asalnya.

Sebelum perang, saya pernah melihat gelang emas di tangan ibu, tetapi sejak perang berlaku, gelang itu tidak kelihatan lagi. Kemudian, bapa saudara sebelah ibu saya, Pak Cik Saleh, akan datang melawat kami dari semasa ke semasa dan akan memberikan sedikit wang kepada ibu. Dia juga akan memberi kami dan sepupu-sepupu saya beberapa sen untuk membeli manisan dari kedai Abu Jabir yang berhampiran.

Pak Cik Saleh bernasib baik kerana dia mempunyai sebuah kilang tenunan yang dilengkapi beberapa mesin tenunan elektrik yang dibawanya dari Mesir sebelum penjajahan di Gaza. Kilang itu terus beroperasi selepas penjajahan dan menghasilkan kain dalam jumlah yang banyak, yang dijualnya kepada para peniaga di Gaza. Selepas Perang 1967, pergerakan mula perlahan-lahan berlaku di antara Tebing Barat dan Gaza, maka hasil pengeluarannya mula dijual di bahagian selatan Tebing Barat di kawasan al-Khalīl (Hebron). Oleh kerana keadaan kewangannya yang baik, Pak Cik Saleh akan memberikan ibu sejumlah wang secara berkala. Ibu sering cuba menolak, tetapi Pak Cik Saleh akan bersumpah dan menunjukkan kekecewaannya sambil berkata, “Jika saya tidak membantu, siapa lagi? Bagaimana anak-anak kamu akan hidup?” Akhirnya, ibu akan menerimanya dengan air mata mengalir di pipi. Pak Cik Saleh sering menegur ibu sambil berkata, “Setiap waktu kamu menangis!”

Isteri pak cik sebelah bapa saya dan anak-anaknya hampir sepenuhnya tinggal bersama kami, berkongsi cebisan roti dan minuman yang sedikit. Datuk meminta abang saya, Mahmoud, dan sepupu saya, Hassan, untuk merobohkan sebahagian dinding yang memisahkan rumah kami dan rumah pak cik. Kedua-dua rumah itu kemudian menjadi satu dengan sedikit privasi. Keluarga isteri pak cik berada dalam keadaan yang sukar dan tidak mampu membantunya walaupun suaminya telah syahid dan dia kehilangan pencari nafkah. Dengan berlalunya masa, mereka mula mendesaknya untuk berkahwin semula. Mereka berpendapat bahawa

selepas kematian suaminya, tiada alasan lagi untuknya terus bersendirian. Namun, dia menolak kerana bimbang akan masa depan anak-anaknya, sementara keluarganya cuba meyakinkannya bahawa datuk dan keluarga pak ciknya (keluarga kami) akan menjaga anak-anaknya, dan mereka akan membantu seboleh mungkin. Tetapi dia harus berkahwin semula kerana masih muda, dan masa depan masih terbuka luas untuknya. Mereka menasihatinya untuk tidak membiarkan masa dan tahun berlalu memamah usia mudanya sehingga peluang hidup berlalu begitu sahaja. Begitulah hari-hari, bulan, dan tahun berlalu.

Pada suatu hari, Pak Cik Saleh datang melawat kami. Ketika dia mengeluarkan wang dari poketnya untuk diberikan kepada ibu seperti biasa, ibu menolak dengan tegas. Biarpun Pak Cik Saleh cuba memujuk, dia tetap tidak berjaya. Akhirnya, dia menggunakan helah dengan meyakinkan ibu bahawa dia tidak mahu mengambil pekerja baru untuk membersih dan mengemas kilangnya, manakala Mahmoud serta Hasan sudah dewasa dan menjadi pemuda, jadi dia ingin menggajikan mereka di kilangnya selepas sekolah. Mereka lebih layak mendapat upah daripada orang luar, dan wang itu dianggap sebagai pendahuluan untuk gaji bulanan mereka.

Ibu akhirnya setuju untuk menerima wang itu dengan syarat Mahmoud dan Hasan mula bekerja pada keesokan harinya. Mereka pun mula memikul tanggungjawab menyara keluarga. Setiap hari selepas pulang dari sekolah pada tengah hari, mereka akan meletakkan beg kain mereka, dan ibu akan menyediakan makan tengah hari untuk mereka bersama adik-beradik yang lain dan sepupu. Kemudian, ibu akan memberi nasihat panjang lebar tentang bagaimana mereka perlu berjalan di jalan raya, bekerja dengan ikhlas, membersihkan tempat kerja dengan betul, dan banyak lagi Selepas itu, ibu akan menepuk bahu mereka dan menghantar mereka hingga ke pintu. Sebelum matahari terbenam, mereka akan disambut kembali dengan penuh kegembiraan seperti pahlawan yang

menang dari medan perang. Begitulah keadaan yang berlaku dengan Pak Cik Saleh terus memberikan wang kepada ibu seperti dahulu, seolah-olah itu adalah upah kerja Mahmoud dan Hasan yang sebenarnya tidak melakukan banyak kerja ketika pergi ke kilang setiap hari.

Sering kali saya terjaga ketika fajar menyingsing dengan suara datuk yang berdoa dalam kebiasaannya semasa berwuduk. Saya menikmati suara itu dan doa-doa indahnya, kemudian suara bacaan surah al-Fatihah dan sebahagian ayat al-Quran dalam dua rakaat solat Subuhnya dengan suara yang jelas, diikuti dengan doa Qunut. Dengan berlalunya masa, saya hampir dapat menghafal doa yang dibaca datuk, termasuk "Allahumma ihdinī fīman hadayt.. (Terjemahannya: Ya Allah, tunjukkanlah aku bersama orang yang Engkau beri petunjuk..." Namun, datuk tidak dapat menunaikan solat Subuh di masjid kerana waktu itu masih berlaku perintah berkurung, dan sesiapa yang keluar rumah akan mendedahkan diri dengan risiko dibunuh oleh rondaan tentera penjajah yang berkeliaran di jalan-jalan kem atau bersembunyi di merata-rata tempat. Perintah berkurung bermula setiap hari pada pukul tujuh malam dan berakhir pada pukul lima pagi. Bagi solat-solat lain, datuk biasanya menunaikannya di masjid, kecuali jika terdapat perkara kecemasan seperti keluar untuk mendapatkan bantuan atau pada hari perintah berkurung.

Masjid di kem tersebut lebih mirip seperti sebuah bilik besar yang beratapkan kepingan besi. Ia mempunyai beberapa tingkap dan sebuah menara kecil yang dipanjat oleh muazin melalui tangga batu untuk mengumandangkan azan dengan suaranya yang lantang. Di tepi pintu masjid, terdapat sebuah bilik air dan beberapa kendi tanah liat untuk berwuduk dan minum. Lantai masjid dilapisi beberapa tikar atau permaidani lama yang hampir lusuh. Di bahagian hadapan masjid terdapat sebuah mimbar kecil dengan beberapa anak tangga kayu.

Datuk sering membawa saya bersamanya ke masjid sebelum waktu azan Zuhur. Dia memimpin tangan saya yang tenggelam dalam tangannya yang besar. Walaupun dia cuba untuk berjalan perlahan dan sekalipun usianya sudah melebihi 70 tahun, saya tetap terpaksa berlari mengejarnya kerana dia hampir menarik saya bersamanya. Kami akan menunaikan solat di masjid sebelum azan, dan saya akan berdiri di sebelah datuk, mengikuti segala gerakannya sedaya mungkin. Saya akan duduk bersila di sebelahnya, meletakkan kepala di antara tangannya seperti kanak-kanak yang baik. Sheikh Hamid akan datang dan mengeluarkan jam dari poket bajunya untuk melihat waktu. Apabila hampir waktu azan, dia akan naik ke menara dan suaranya bergema mengalunkan azan, lalu saya mula menoleh ke sekeliling dengan gembira mendengar suara merdu itu.

Setelah selesai, Sheikh Hamid turun dari menara dan menunaikan solat sunat, manakala saya berdiri di sebelah datuk, menirunya sedaya mungkin. Beberapa orang tua dari kem tersebut akan datang untuk solat Zuhur berjemaah, dan jumlah mereka tidak melebihi sepuluh orang. Semua mereka adalah orang tua, kecuali saya dan seorang atau dua orang kanak-kanak lain yang dibawa oleh datuk mereka.

Nampaknya datuk dan ibu saya telah menerima kenyataan tentang nasib ayah yang tidak diketahui. Perbualan tentang ayah semakin berkurang dan jarang sekali disebut, mungkin kerana mereka sedar bahawa mereka hanya boleh menunggu tanpa ada apa-apa lagi yang boleh dilakukan.

Perkara baru yang berlaku di rumah kami ialah keluarga isteri pak cik saya telah memaksanya untuk berkahwin lagi. Keputusan itu tidak mudah, tetapi suaminya yang baru kini bermalam dengannya. Ibu saya melayan sepupu-sepupu saya seperti melayan adik-beradik saya yang lain, walaupun tiada apa yang dapat menggantikan kehilangan seorang bapa dan ibu, tetapi sekurang-kurangnya ia dapat mengurangkan

sedikit bebanan. Begitulah hari-hari berlalu, bermula dengan suara datuk yang berwuduk dan solat Subuh, kemudian ibu akan bangun untuk mengejutkan adik-beradik saya dan sepupu saya serta menyediakan mereka untuk ke sekolah.

Datuk pergi ke pasar, ibu mula mengemas rumah, dan saya duduk di sebelah adik perempuan saya, Maryam, yang masih bayi, bimbang dia akan bangun dan menangis ketika ibu sedang sibuk menguruskan rumah. Kemudian, datuk akan pulang bersendirian, dan tidak lama selepas itu, abang-abang saya dan sepupu saya akan pulang dari sekolah, dan ibu akan menyediakan makan tengah hari untuk kami.

Selepas itu, ibu akan memberikan nasihat seperti biasa kepada abang-abang saya, Mahmoud dan Hasan, sebelum menghantar mereka sampai ke pintu untuk pergi bekerja di kilang bapa saudara kami. Kami pula akan keluar untuk bermain "Arab dan Yahudi" atau "tujuh kepingan", manakala kanak-kanak perempuan bermain "lompat tali". Apabila senja hampir tiba, Mahmoud dan Hasan akan pulang dari kilang, dan begitulah kehidupan rutin kami berlalu tanpa sebarang perubahan.

Pada suatu petang, Mahmoud dan Hasan tidak pulang dari kilang pada waktu biasa. Mereka terlambat, tetapi kali ini mereka pulang bersama Pak Cik Saleh. Seperti biasa, kami bertemu dengannya, dan dia menyapa kami semua serta mencium kami dengan mesra. Dia memberikan setiap seorang daripada kami beberapa sen, kemudian berbual dengan ibu saya mengenai mak cik saya (adik ibu), Fathiyyah. Dia memberitahu ibu bahawa ada orang yang meminang mak cik saya. Mereka adalah orang yang dikenali oleh Pak Cik Saleh dari Tebing Barat, dari sebuah bandar kecil di kawasan al-Khalīl. Mereka adalah peniaga kain yang sering datang untuk membeli kain keluaran kilangnya. Bapa saudara saya mengenali mereka dengan baik dan ingin mengetahui pendapat ibu tentang hal itu. Ibu menjawab bahawa keputusan

itu terserah kepadanya, dan jika Fathiyyah setuju dan bapa saudara juga yakin dengan mereka, maka mereka boleh teruskan dengan perancangan itu. Ketika itu, ibu bangun dan meninggalkan kami bersama bapa saudara yang bertanya tentang keadaan kami dan perkembangan setiap orang di sekolah.

Tidak lama kemudian, ibu kembali dengan membawa teko teh. Bapa saudara kami minum teh bersama kami sebelum bangun untuk pulang. Ibu cuba meyakinkannya untuk bermalam di rumah kami, tetapi dia menolak dengan alasan, "Kamu tahu bahawa saya tidak boleh bermalam di luar rumah kerana saya hanya mempunyai anak-anak perempuan."

Ibu pun mendoakannya, "Semoga Allah memberikan kebaikan untukmu, Saleh."

Pak Cik Saleh meninggalkan rumah sambil berkata, "Saya akan memberitahu mereka bahawa kita bersetuju, dan apabila mereka menetapkan tarikh untuk datang meminang, saya akan memberitahu kamu supaya kamu, Haji Abu Ibrahim, dan anak-anak dapat hadir."

Pada keesokan harinya, sejak awal pagi selepas datuk selesai solat, dia mula mendengar pengumuman dari pembesar suara yang dibawa oleh jip tentera. Mereka mengumumkan dalam bahasa Arab sepatah-sepatah tentang pelaksanaan perintah berkurung sehingga diberitahu kelak: "Halo, halo, perintah berkurung sehingga diberitahu selanjutnya, dan sesiapa yang melanggar akan menghadapi risiko mati." Suara itu berulang kali berkumandang.

Ibu berkata kepada kami, "Hari ini tiada sekolah, anak-anak, dan tidak dibenarkan sesiapa pun keluar dari rumah." Dia kemudian keluar ke bilik lain untuk memastikan datuk dan sepupu-sepupu saya, Hassan dan Ibrahim, mengetahui tentang perintah itu. Kami kekal di dalam rumah sepanjang hari, dengan pintu yang sentiasa tertutup.

Setiap kali salah seorang daripada kami menghampiri pintu, ibu akan menjerit dan melarang kami daripada membukanya, jika tidak, kami akan dipukul.

Kami mendengar berulang kali larangan keluar rumah. Adik-beradik saya terpaksa bermain di dalam rumah, dan pada hari itu ibu menyediakan *al-bīṣārah* untuk makan tengah hari, iaitu hidangan kacang fava yang dihancurkan dengan *mulūkhiyyah* kering. Abang-abang dan kakak-kakak saya serta sepupu saya, duduk belajar dengan buku-buku sekolah mereka, sementara saya hanya duduk dan memerhatikan mereka, serta melihat-lihat buku mereka. Pada waktu petang, kami sekali lagi mendengar suara pembesar suara yang mengesahkan larangan keluar rumah dan memberi amaran bahawa sesiapa yang melanggarnya akan mendedahkan diri dengan bahaya.

Keesokan paginya, setelah suara datuk selesai solat dan berdoa, tidak lama kemudian suara pembesar suara kedengaran, mengumumkan bahawa larangan keluar rumah telah berakhir mulai jam lima pagi. Ibu mengejutkan semua orang dan menyiapkan mereka untuk ke sekolah, dan hari berjalan seperti biasa.

Perkara baru yang kami ketahui pada hari itu ialah sebab larangan keluar rumah semalam adalah kerana seseorang telah melempar bom tangan ke arah salah satu rondaan tentera penjajah. Bom tersebut meletup dan mencederakan para tentera yang berada di dalam jip. Mereka kemudian mula melepaskan tembakan secara rambang kepada orang ramai, menyebabkan ramai yang tercedera.

BAB TIGA

Pada hari Jumaat, ibu memakaikan kami pakaian terbaik yang dijahitnya semula daripada kain yang diperoleh daripada bekalan peruntukan Agensi Bantuan, bersiap-sedia untuk melawat rumah Pak Cik Saleh bagi bertemu dengan mak cik dan mengucapkan tahniah atas pertunangan yang akan diadakan tidak lama lagi. Ibu membawa kami bertujuh berjalan selama beberapa jam, melepasi sempadan kem dan menyusuri salah satu jalan utama. Di jalan itu, sekali-sekala, jip tentera dan kenderaan awam yang membawa tentera bergerak perlahan sambil mengacukan senapang ke arah orang yang lalu-lalang. Kami berjalan lama sehingga tiba di rumah Pak Cik Saleh. Rumahnya jauh lebih baik daripada rumah kami kerana ia tidak beratapkan atap zink seperti rumah kami, tetapi bertutup dengan konkrit dan lantainya berjubin serta ada bekalan elektrik.

Abang saya, Mahmoud, mengetuk pintu dan sepupu kami, Wardah, membuka pintu sambil berseru, “Ini mak cik dan anak-anaknya!” Dia menyambut kami dan kami masuk ke dalam rumah. Di sana, Mak Cik Fathiyyah, Pak Cik Saleh, isteri pak cik, dan anak perempuan kedua mereka, Suad, keluar ke laluan untuk menyambut dan mengalu-alukan kedatangan kami.

Mak Cik Fathiyyah mencium dan menyapa kami seorang demi seorang. Ibu serta adik-beradik saya mengucapkan tahniah kepada Mak Cik Fathiyyah atas pertunangan yang akan berlangsung tidak lama lagi. Mereka duduk berbual, sementara kami sibuk bermain dan berkejar-kejaran di antara satu sama lain. Sebelum senja, kami kembali ke rumah.

Beberapa hari kemudian, apabila Mahmoud dan Hasan pulang dari bekerja di kilang Pak Cik Saleh, mereka memberitahu ibu bahawa pak cik meminta mereka memberitahunya bahawa rombongan melamar akan datang untuk mengikat tali pertunangan dengan Mak Cik Fathiyyah pada hari Jumaat akan datang.

Sekali lagi, ibu menyiapkan kami seperti hari Jumaat yang lalu, dan kami pergi ke rumah pak cik pada waktu tengah hari. Tiga buah kereta tiba, membawa beberapa lelaki dan wanita. Mereka turun dan masuk ke rumah pak cik. Semua kanak-kanak berbisik-bisik sambil menunjuk kepada seorang pemuda berkulit cerah dengan misai halus—itulah bakal pengantin lelaki.

Para lelaki duduk di ruang tamu, dengan seorang imam di tengah-tengah mereka yang memakai tarbus merah. Para wanita duduk di sebuah bilik lain. Kami, kanak-kanak, tidak berhenti bermain, berlari ke sana ke mari di dalam dan luar rumah, serta memanjat kenderaan yang ada. Kami sibuk bermain, para lelaki sibuk dengan imam yang sedang mengikat tali pertunangan, manakala para wanita sibuk dengan bakal pengantin perempuan, Mak Cik Fathiyyah. Tidak dapat dilupakan, pada hari itu kami makan banyak baklava tanpa had, sehingga ibu bimbang kami akan jatuh sakit. Mereka akhirnya bersetuju untuk membawa bakal pengantin perempuan keluar.

***

Kira-kira sebulan kemudian, dalam kegelapan malam yang pekat dan suasana sunyi yang menyelubungi rumah-rumah miskin dan malang di kem tersebut, tiada bunyi kedengaran kecuali salakan anjing dari jauh atau kucing yang mengiau mencari anaknya yang diambil oleh seorang budak untuk dipelihara di rumah, dengan harapan apabila kucing itu besar nanti, ia boleh memburu tikus yang mengganggu ketenangan keluarga. Di lorong-lorong kecil kem yang bersimpang siur itu, meskipun terdapat perintah berkurung dan bahaya yang mungkin berlaku, Abu Hatim bergerak seperti kucing, menyelinap dengan lincah dan tenang. Setiap kali dia perlu melewati satu sudut baru, dia akan berhenti sejenak, memerhati dan memastikan tiada ancaman yang bergerak atau bersembunyi. Setelah yakin bahawa kawasan itu selamat, dia meneruskan perjalanannya dengan berhati-hati.

Abu Hatim ialah seorang lelaki yang tinggi, lincah dan berbadan tegap. Dia menutup kepalanya dengan *keffiyeh* yang melilit wajah, meninggalkan hanya matanya kelihatan. Dia pernah menjadi sarjan dalam Tentera Pembebasan Palestin semasa pemerintahan Mesir di Semenanjung Gaza dan telah bertempur dengan gagah berani dalam perang 1967. Namun, apalah yang mampu dilakukannya dan beberapa pahlawan lain dalam pertempuran yang ternyata kalah. Abu Hatim bergerak dengan lancar melalui jalan-jalan dan lorong-lorong kem, kerana dia tahu betul laluan tersebut. Dia berhenti sejenak memeriksa persekitaran sebelum menuju ke tingkap sebuah rumah dan mengetuk bingkai tingkap dengan perlahan tiga kali, kemudian sekali, dan akhirnya dua kali. “Ya, ini yang betul.”

Abu Yusuf yang berdiri di sebalik tingkap mendekatkan kepalanya sambil berbisik perlahan, “Siapa di sana?”

Suara Abu Hatim menjawab, “Abu Hatim.”

Abu Yusuf berbisik lagi, “Tidak mungkin, mustahil.”

Suara itu membalas, “Tidak mustahil wahai Abu Yusuf, tidak mustahil.”

Abu Yusuf menjawab, “Aku akan bukakan pintu untukmu.”

Abu Hatim menyelinap masuk, dan Abu Yusuf menutup pintu. Mereka berdua saling berpelukan erat, dan Abu Yusuf berbisik, “Tidak sangka, alhamdulillah, kamu selamat, Abu Hatim.”

Isteri Abu Yusuf, Ummu Yusuf, terbangun dan menutup kepalanya dengan tudung sebelum keluar dari bilik. Dia menghampiri mereka dan berbisik, “Alhamdulillah kamu selamat, Abu Hatim. Jemput masuk, saudara, jemput masuk.”

Abu Yusuf dan Abu Hatim masuk ke dalam bilik, manakala Ummu Yusuf pergi ke dapur. Abu Hatim berkata kepadanya, “Jangan siapkan makanan atau teh, dan jangan nyalakan dapur.”

Ummu Yusuf memandangnya dengan hairan dan bertanya, “Kenapa, Abu Hatim? Kamu datang ke rumah orang yang papa kedana?”

Abu Hatim tersenyum dan berbisik, “Terima kasih buat kamu dan kebaikan kamu, tetapi aku tidak lapar dan tidak mahu bunyi dapur menyala.”

Ummu Yusuf berpaling dan berbisik, “Baiklah, aku akan bawakan sedikit roti dan buah zaitun.”

Abu Hatim tersenyum sambil berkata perlahan, “Baiklah, aku tahu kamu tidak akan biarkan aku keluar tanpa makan sesuatu di rumah kamu, Ummu Yusuf.”

Abu Yusuf tersenyum sepanjang masa. Abu Hatim dan Abu Yusuf mula berbisik-bisik. Abu Yusuf bertanya, “Di mana kamu berada? Demi Allah, aku sangka kamu telah syahid atau pergi ke Mesir.”

Abu Hatim memberitahu bahawa dia telah cedera dalam pertempuran di kawasan Kem Tengah (al-Mu‘askarāt

al-Wusṭā) dan terpaksa merangkak ke sebuah kereta di mana sebuah keluarga Badwi menemuinya. Mereka membawanya, merawat luka-luka, memberi makan, dan menyembunyikannya sehingga dia pulih.

Ummu Yusuf masuk sambil memberi salam dalam keadaan berbisik, dan mereka menjawab salamnya. Dia meletakkan bakul anyaman dengan beberapa keping roti dan sepinggan zaitun di sebelahnya serta sebuah teko air tembikar. Kemudian dia meninggalkan bilik itu dan duduk di bilik anak-anak di bawah cahaya lampu minyak tanah yang berayun-ayun dan menerangi bilik kecil yang beratap zink kelabu.

Abu Hatim dan Abu Yusuf bergilir-gilir berbisik sambil merapatkan mulut berhampiran dengan telinga rakan berbual.

Abu Yusuf bertanya, "Adakah masih ada pemuda yang selamat?"

Abu Hatim menjawab, "Ya, masih ramai. Aku, Abu Mahir di Khan Younis, Abu Saqr di Rafah, dan Abu Jihad di Kem Tengah. Aku telah bertemu mereka secara peribadi dan bersetuju untuk meneruskan semula perjuangan."

Abu Yusuf mendekatkan mulutnya ke telinga Abu Hatim dan bertanya, "Bagaimana dengan Mukhtar?"

Abu Hatim mendekat dan berbisik, "Aku dengar dia masih hidup dan bergerak di kebun-kebun sebelah timur Shujaʻiyya dan Zeitoun. Aku sedang mencarinya dan mungkin akan menjumpainya dalam beberapa hari ini. Apa yang penting adalah kita perlu mula mengatur gerakan supaya perjuangan dapat bermula di seluruh kawasan dengan serentak. Negara ini masih kuat, Abu Yusuf. Negara ini masih kuat, dan para pemuda bersedia dan menunggu seseorang untuk menyusun rancangan dan memulakan perjuangan. Kita perlu bertemu dan menyusun rancangan pada pagi Jumaat yang akan datang."

“Saleh Mahmoud akan mengahwinkan adik perempuannya dan pengantin lelaki akan membawanya ke al-Khalīl. Rumah mereka akan kosong pada waktu malam. Aku telah bersetuju dengannya untuk meninggalkan kunci di bawah ambang pintu. Sekumpulan pemuda akan datang berkumpul di sana untuk mengatur rancangan dan memulakan perjuangan secepat mungkin, insya-Allah. Kamu tahu di mana rumah Saleh. Kita akan bertemu di sana pada malam Jumaat selepas Isyak. Sesiapa yang terlewat apabila tiba nanti, ketuk tingkap dengan isyarat yang sama.”

Dalam pada itu, Abu Hatim ketika itu telah mengambil beberapa suap makanan, dan dengan setiap suapan dia menyertakan sebiji buah zaitun, sambil menghisap biji zaitun tersebut dengan cara yang khas, menunjukkan betapa dia menyayangi pemilik rumah ini dan betapa rindunya dia akan masakan Ummu Yusuf, isteri sahabatnya.

***

Pada hari Jumaat, kami bersiap sejak pagi, memakai pakaian terbaik yang ada dan bergerak menuju ke rumah Pak Cik Saleh. Walaupun tiba awal, kami mendapati rumahnya sudah penuh dengan orang ramai. Suasana sibuk dengan persiapan untuk majlis perkahwinan. Kami sibuk bermain, manakala kakak-kakak saya sibuk menabuh gendang, menyanyi, dan menari bersama anak-anak perempuan pak cik serta beberapa gadis lain. Mahmoud dan Hasan sibuk dengan beberapa urusan seperti menyusun kerusi dan menyiram air di tanah halaman di depan rumah pak cik untuk mengelakkan debu berterbangan.

Ibu, isteri pak cik, dan beberapa wanita lain sibuk menyiapkan pengantin perempuan, menyusun pakaian dalam bagasinya. Sementara itu, pak cik berlari ke sana ke mari, sibuk dengan pelbagai perkara dalam satu masa. Pada hari itu, semakin ramai orang datang dan suara nyanyian semakin teratur dan merdu, dipimpin oleh seorang gadis dewasa yang merupakan jiran pak cik serta kawan-kawannya.

Tidak lama kemudian, beberapa kereta dan sebuah bas yang membawa ahli keluarga pengantin lelaki tiba. Mereka berhenti dan keluar dari kenderaan, dengan pengantin lelaki, Abdul Fattah, mengetuai kumpulan. Gendang dan nyanyian yang terkenal dengan loghat dari kawasan Jordan mula bergema. Mereka bergerak ke arah rumah dan disambut oleh pak cik dan sekumpulan lelaki. Kaum lelaki berjabat tangan dan berpelukan, manakala para wanita bersalam-salaman dan bercium pipi. Para wanita masuk ke dalam dewan, manakala yang lelaki duduk di halaman rumah. Kuih baklava diedarkan dalam pinggan-pinggan, dan abang saya, Mahmoud, yang paling rajin mengedarkan minuman merah kepada para tetamu, sambil bunyi gendang dan nyanyian wanita bergema sepanjang masa. Suasana berlangsung seperti ini kira-kira sejam, dan pak cik berbual dengan pengantin lelaki dan bapanya, bersama beberapa lelaki lain yang tidak saya kenali.

Kemudian, pak cik masuk ke dalam rumah dan semua orang bersedia. Pengantin lelaki dan bapanya berdiri di pintu, dan dengan iringan gendang dan nyanyian, pak cik keluar sambil memegang lengan Mak Cik Fathiyyah, yang memakai gaun putih dan tudung putih yang menambah kecantikannya. Dia kelihatan seperti bulan purnama yang berjalan perlahan-lahan ke pintu sehingga pengantin lelaki menyambutnya dari lengan pak cik, dan bunyi sorakan para wanita bergema. Pasangan pengantin berjalan ke arah salah sebuah kereta, diikuti oleh semua orang. Ibu berada dekat dengan pak cik sepanjang masa, dan isteri pak cik berada di sebelahnya. Pasangan pengantin masuk ke dalam kereta yang dihias, dan para lelaki serta wanita mula menaiki kereta dan bas.

Ibu berpaling, mencari Mahmoud dan menjerit kepadanya, “Bawa adik-adik lelakimu pulang bersama datuk, dan pulanglah ke rumah. Saya akan membawa adik-beradikmu dan kembali esok, insya-Allah. Segala-galanya sudah sedia di rumah, sayang. Kamu tidak akan kekurangan apa-apa sehingga saya kembali. Jaga datuk dan sepupu-sepupumu. Kunci pintu sebelum waktu perintah berkurung, dan jangan

buka pintu walau apa pun yang berlaku sehingga subuh."

Mahmoud mengangguk tanda memahami tugasnya seperti biasa kerana dia selalu faham dan melaksanakan arahan ibu dengan cekap. Fatimah sedang mendukung Maryam di lengannya. Ibu, isteri pak cik, kakak-kakak saya, dan anak-anak perempuan pak cik menaiki salah sebuah kereta, sementara Mahmoud mengumpulkan kami di sebelah datuk yang berdiri bersandar pada tongkatnya.

Selepas semua orang menaiki kenderaan, pak cik dan bapa pengantin lelaki menguruskan keadaan. Pak cik meminta izin untuk kembali ke rumah menutup pintu dan meminta mereka menunggu sebentar. Dia segera kembali ke rumah, mengambil beg dari dapur dan meletakkannya di dalam bilik tamu, kemudian menutup pintu utama. Dia menjatuhkan sesuatu dari tangannya dan membongkok untuk mengambilnya, menyembunyikan kunci rumah di bawah ambang pintu. Kemudian dia kembali ke kereta, dan rombongan pun berangkat, sementara bunyi gendang dan nyanyian para wanita terus berkumandang sehingga mereka hilang dari pandangan. Kami berjalan pulang bersama datuk ke rumah. Kami tiba sebelum matahari terbenam, letih setelah seharian bermain, makan, dan bersuka ria. Mahmoud mengunci pintu dengan kemas, dan kami semua tidur nyenyak.

***

Malam menyelubungi Gaza dengan kegelapan yang pekat, menenggelamkannya dalam suasana yang gelap sehingga sukar untuk melihat jari sendiri. Rondaan tentera penjajah berkeliaran di jalan-jalan utama bandar, dan pembesar suara mengumumkan waktu perintah berkurung telah bermula. Kemudian suasana menjadi sunyi sepi, hanya dipotong oleh bunyi kenderaan rondaan sesekali, menunjukkan kehadiran dan kawalan mereka terhadap keselamatan. Dengan tenang dan penuh keyakinan, tujuh lelaki menyelinap masuk ke

rumah pak cik setelah mengambil kunci dari bawah ambang pintu. Mereka tidak menyalakan lampu sehingga semua sudah berada di dalam, dan kemudian mereka menutup langsir dan meletakkan selimut di tingkap di atas langsir untuk memastikan tiada cahaya yang terlepas keluar. Selepas itu, mereka menyalakan lampu dan menjumpai beg yang diletakkan oleh pak cik. Abu Hatim membukanya dan mendapati ia dipenuhi dengan pelbagai jenis makanan dan kuih-muih. Dia berbisik, "Saleh, kau memang budiman, walaupun tidak berada di rumah, tetap pemurah."

Para lelaki duduk dalam satu bulatan kecil, berbual berbisik-bisik selama berjam-jam sehingga tengah malam, kemudian mereka tidur bergilir-gilir sambil berjaga. Menjelang waktu subuh, mereka mula menyelinap keluar dari rumah satu persatu. Orang yang terakhir keluar ialah Abu Hatim, yang mengunci pintu selepas keluar dan meletakkan semula kunci di tempatnya di bawah ambang pintu. Mereka berangkat dengan penuh keyakinan sambil mengulangi ayat:

Ertinya: *Dan Kami jadikan di hadapan mereka dinding, dan di belakang mereka dinding, lalu Kami tutup (penglihatan) mereka sehingga mereka tidak dapat melihat.*

(Surah Yasin 36: 9)

***

Saya terbangun apabila terdengarkan suara datuk yang sedang solat subuh, dan Mahmoud bangun awal untuk mengambil alih tugas ibu. Dia membangunkan abang-abang saya yang lain, Hasan dan Muhammad, serta dua sepupu kami, Hassan dan Ibrahim, lalu menyediakan sarapan untuk mereka, dan mereka berlima berangkat ke sekolah.

Tinggal saya dan datuk sahaja di rumah.

Pada hari itu, datuk tidak pergi ke pasar. Ketika matahari sudah tinggi, dia membawa saya keluar untuk duduk di bawah cahaya matahari yang hangat. Selepas beberapa ketika, dia mula bercerita tentang zaman mudanya dan tanah air yang telah hilang.

Kemudian, dia mengeluarkan beg kecilnya, mengambil sekeping syiling dan berkata kepada saya, “Pergilah beli sesuatu dan cepat balik.”

Saya bergegas ke kedai Abu Khalil dan membeli beberapa biji gula-gula asam manis.

Ketika saya kembali kepada datuk dengan sebiji di dalam mulut, dia bertanya, “Apa yang kamu beli?”

Saya menunjukkan apa yang ada di tangan saya dan menawarkan satu kepadanya. Datuk ketawa panjang dan berkata, “Tidak, ini untuk kamu, sayang.”

Saya duduk di sebelahnya, menikmati cahaya matahari dan menghisap gula-gula itu. Ketika waktu tengah hari hampir tiba, datuk bangun dengan bersandar pada tongkatnya dan berkata, “Mari Ahmad, kita pergi ke masjid untuk solat Zohor.” Dia memegang tangan saya, dan kami pun berangkat.

Di sana, datuk duduk untuk mengambil wuduk, dan saya mengikutinya dengan meniru setiap gerakan, sambil dia tersenyum memandang saya. Sheikh Hamid datang dan tersenyum kepada datuk sambil berkata, “Insya-Allah, budak ini akan menjadi seorang yang taat beragama.”

Gumam datuk, “Insya-Allah, insya-Allah.”

Hari-hari berlalu dengan situasi yang hampir sama, tetapi saya mula lebih memahami apa yang berlaku di sekeliling saya. Perkara baru yang mula jelas adalah kebangkitan pergerakan penentangan. Setiap hari, ada sahaja serangan ke atas rondaan tentera penjajah, sama ada dengan tembakan,

lemparan bom tangan, atau letupan bom. Setiap kali itu, tentera penjajah akan bertindak balas dengan kekerasan dan keganasan terhadap penduduk awam yang tidak bersenjata, menembak secara rawak sehingga menyebabkan kematian dan kecederaan. Kemudian, bantuan ketenteraan akan tiba dan mengenakan perintah berkurung di kawasan itu serta memanggil lelaki-lelaki dewasa untuk keluar ke sekolah, di mana mereka akan dipukul, dihina, dan sebahagiannya ditangkap. Pemandangan dan bunyi yang sama berulang selama beberapa hari.

Penentangan semakin kuat dan lebih berani, sehingga kami mula melihat beberapa lelaki bertopeng yang memakai *keffiyeh* membawa senjata seperti senapang Inggeris atau Carl Gustav, atau membawa bom tangan sambil berjalan di lorong-lorong kem, terutamanya pada waktu petang. Hal ini menjadi pemandangan biasa bagi kami, sehingga kami mula menyedari bahawa perintah berkurung malam hanyalah tipu daya ke atas kami, kanak-kanak, ibu-ibu kami, dan sebahagian kecil orang miskin. Bagi para pejuang penentangan, mereka menguasai kem pada waktu malam, manakala rondaan tentera penjajah tidak dapat memasuki lorong-lorongnya dan hanya berlegar di jalan utama. Apabila siang menjelang, para pejuang penentangan akan menghilang.

Cuti musim panas tiba, dan ibu mendaftarkan saya di sekolah. Saya mula bersiap untuk pergi dalam beberapa hari lagi. Ibu membelikan saya sepasang kasut baru, walaupun ia adalah kasut terpakai yang dijual di gerai kasut terpakai di pasar kem. Setelah disapu dengan sedikit cat, kasut itu kelihatan seolah-olah baru keluar dari kilang. Saya sangat menyukai warnanya yang merah, dan datuk juga sangat menyukainya. Ibu juga menyediakan beg kecil untuk saya daripada kain baju yang sudah tidak boleh dipakai. Semua persediaan sekolah sudah lengkap, terutamanya setelah mendengar cerita abang-abang, kakak-kakak dan sepupu-sepupu saya tentang sekolah, perhimpunan pagi, kelas, guru, dan waktu rehat antara kelas.

Sebelum cuti musim panas berakhir, seorang pejuang penentangan menyerbu rondaan tentera penjajah di salah satu lorong yang menghadap jalan utama yang biasa dilalui oleh rondaan. Apabila rondaan itu menghampiri, pejuang itu melemparkan bom tangan yang meletup dan mencederakan beberapa tentera dalam kenderaan jip. Jip tersebut berhenti selepas merempuh dinding berdekatan, dan kedengaran jeritan serta erangan tentera. Setelah sedar, mereka mula menembak ke segala arah di jalan. Bala bantuan segera tiba, dan pembesar suara mula mengumumkan perintah berkurung, dan sesiapa yang melanggarnya akan dihukum. Orang ramai mula masuk ke rumah, dan kemudian tentera menyerbu rumah-rumah di pinggir kem, menyerang wanita, lelaki, dan kanak-kanak dengan pukulan kayu belantan.

Pembesar suara memanggil semua lelaki berusia 18 hingga 60 tahun untuk keluar ke sekolah seperti biasa. Ketika suara pembesar suara reda, terdengar jeritan beberapa orang yang meminta semua orang supaya tidak keluar, menjelaskan bahawa tentera tidak dapat memasuki kem kerana pejuang penentangan memenuhi kawasan itu dan bersedia menghadapi mereka. Memang benar, hanya lelaki dari rumah-rumah di pinggir kawasan yang tidak memerlukan risiko besar bagi tentera penjajah untuk sampai ke sana yang keluar ke sekolah. Setiap kali tentera cuba masuk ke kem, mereka akan disambut dengan tembakan dari senapang dan mesingan dari sudut-sudut lorong yang kecil dan berliku-liku, memaksa mereka untuk berundur dengan tergesa-gesa sambil menjerit.

Lelaki-lelaki dewasa yang keluar ke sekolah mengalami pukulan dan penghinaan yang lebih teruk, kemudian dibenarkan kembali ke kem. Perintah berkurung berterusan selama seminggu, di mana kami hidup dengan makanan seperti bisara, kacang lentil, kacang fava, dan zaitun. Walaupun ia disertai dengan ketakutan, makanan tersebut terasa paling enak yang pernah kami makan sejak bermulanya penjajahan,

kerana semua orang merasakan kemuliaan di bawah perlindungan peluru-peluru para pejuang penentangan.

Selepas dua hari pertama perintah berkurung, orang ramai mula memberanikan diri untuk keluar dari rumah dan duduk di hadapan pintu rumah mereka di lorong-lorong sempit di dalam kem. Di situ, tentera penjajah tidak mudah sampai sebelum dihalang oleh para pejuang penentangan yang mengintai mereka di sudut-sudut kem. Saya melihat ramai pejuang penentangan, tetapi tidak dapat mengenali sesiapa pun kerana mereka menutup muka dengan *keffiyeh* dan membawa senjata mereka sambil berkawal di belakang tembok atau di sudut lorong.

Saya juga melihat beberapa jiran di kawasan kami duduk di salah satu sudut. Mereka minum teh, ada yang menggulung rokok dan menghisapnya, sambil berbual tentang perasaan mereka dan kebimbangan mereka. Mereka rasa bangga dan terhormat [dengan perkembangan terkini] setelah dihina oleh penjajahan yang memijak dada kami, namun mereka bimbang tentang apa yang bakal berlaku.

Adakah keadaan akan kekal seperti ini?

Adakah mereka tidak akan menyerang kem dengan tentera yang ramai, atau tidak akan mengebomnya dengan meriam, atau membakarnya bersama semua orang di dalamnya?

Pendapat berbeza-beza, tetapi pandangan yang mengatakan perlunya bertahan adalah yang paling dominan, dengan ungkapan yang sering diulang-ulang, “Apa yang kita ada untuk kalah? Kita hanya mempunyai rantai belenggu dan rumah Agensi Bantuan [UNRWA]. Jadi, mengapa perlu takut?”

Begitulah bagaimana semua perbualan berakhir.

“Demi Allah, lebih baik hidup seminit dengan rasa bangga dan terhormat daripada hidup seribu tahun dalam kehinaan di bawah but tentera penjajah.”

Hal ini bukan sahaja berlaku di kem kami, tetapi di semua kem di Jalur Gaza, di semua jalan bandar dan kampung atau sebahagian besar daripadanya. Di Tebing Barat dan Gaza, penentangan mula menyala di seluruh tanah air. Ada yang teratur, namun banyak yang bersifat individu, inisiatif tempatan oleh pejuang tanah air dan tokoh-tokohnya. Kami mula mendengar berita tentang tindakan penentangan yang luar biasa di Kem Jabalya yang berhampiran dengan kem kami. Di sana, Abu Hatim memimpin pergerakan penentangan yang diikuti oleh puluhan pemuda dan lelaki dari kem serta kawasan berhampiran. Semua orang mula memanggil Kem Jabalya sebagai 'Kem Revolusi'.

Berita tersebar di kem seperti api merebak di rumput kering, membuatkan orang semakin gembira dan menaikkan semangat. Kami sebagai kanak-kanak turut merasakan kesannya, bahkan dalam permainan kami yang dipanggil 'Arab dan Yahudi', kami memainkannya setiap hari dan peraturannya adalah bahawa orang Arab pasti akan menang dan mengalahkan musuh mereka.